

15 pasukan sertai liga hoki sekolah

Archival News | Berita Harian | 05/07/2002 | Author: Haryani Ngah

PERSATUAN Hoki Kuala Lumpur menjadi persatuan negeri pertama menganjurkan liga hoki untuk sekolah-sekolah dari 7 Julai hingga 24 Ogos ini.

Sebanyak 15 sekolah dari sekitar Lembah Klang menyertai kejohanan yang terbahagi kepada dua kumpulan.

Kejohanan anjuran bersama MSSKL ditaja oleh Nestle dan Sapura.

Presiden KLHA, Tan Sri Noordin Hassan berkata, pada mulanya 19 sekolah menunjukkan minat untuk menyertai kejohanan jemputan itu, bagaimanapun hanya 15 sekolah memberi jawapan positif.

Liga terbahagi kepada dua dengan kumpulan, A dan B, yang akan berlangsung secara round robin sepusingan.

"Setiap pasukan akan mendaftar 20 orang pemain dan daripada jumlah itu seramai lapan pemain mestilah berusia bawah 15 tahun. Untuk memastikan pemain remaja mendapat pendedahan, setiap pasukan perlu menurunkan sekurang-kurangnya tiga pemain bawah 15 tahun pada setiap perlawanan.

"Saya berharap liga ini dapat dijadikan acara tahunan kerana ia dapat melahirkan lebih ramai pemain di peringkat akar umbi," katanya ketika pelancaran liga itu di Stadium Hoki Kuala Lumpur semalam.

Sekolah dalam kumpulan A ialah SM Sri Hartamas, SM Tinggi Setapak, SM Bukit Bandaraya, SMK St John, MBS Sentul, SM Victoria, SM Sungai Besi dan SM Alam Shah.

Manakala dalam kumpulan B pula SMK Kepong Baru, SMK Sri Pantai, SMVivekananda, SMK Taman Melati, SMK Raja Abdullah, SMK Titiwangsa dan SMS Selangor.

Daripada kejohanan itu, 60 pemain akan dipilih untuk menyertai program latihan seterusnya di bawah pengawasan jurulatih KLHA.

(END) Source : Berita Harian